

OPERASI SISTEM KEJOHANAN OLAHRAGA

A. Sebelum Tarikh Tutup Pendaftaran

1 Urusan Pendaftaran Secara Online

Rujuk Manual Setup Pendaftaran

2 Urusan Setup maklumat awal Sistem Kejohanan

Perkara-perkara awal yang boleh dibuat sebelum tarikh tutup pendaftaran.

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan setup adalah standard untuk kebanyakan kejohanan dan telah disediakan secara *default* dalam sistem ini.


Login ke dalam sistem

www.jsports.com.my/????/????/admin/lg.php

Username : urusetia

Password : *****

i. Set Parameter dibawah ---Pengurusan Kejohanan---



Untuk membuat tetapan awal tentang maklumat kejohanan. Terdapat beberapa 3 bahagian yang perlu ditetapkan.

a. Set Tajuk

Untuk 3 baris tajuk kejohanan. Tajuk ini akan dipaparkan di bahagian atas setiap cetakan yang ada dalam sistem ini. Juga akan menjadi header bagi paparan web jika fail banner.jpg tidak dimuatnaik.

<u>Set Tajuk</u>
Setkan tajuk yang akan dicetak disetiap header cetakan. Masukkan ayat bagi 3 baris yang berkenaan.
Kejohanan Olahraga MSSM
Stadium Educity, Iskandar Puteri
21 - 25 April 2019
<input type="button" value="SetTajuk"/>

b. Set Parameter

<u>Set Parameter</u>		
Setkan parameter untuk sistem kejohanan.		
1	Papar sesi berapa; -1 untuk papar semua	5 ▾
2	Bahasa : 1-BM; 2-BI	1 ▾
3	Papar Kelas : 1-papar;0;tak papar	1 ▾
4	0: Pingat; 1: Mata; 2 : Pingat & Mata	0 ▾
5	hadiah acara biasa sampai tempat ke berapa?	3 ▾
6	hadiah acara jarak jauh dan CE sampai tempat ke?	6 ▾
7	Papar keputusan detail; 0-tidak, 1-papar	1 ▾
8	No Acara ikut HARI atau SESI	HARI ▾
9	Ringkasan Jantina Lelaki - L, M, B	L - Lelaki ▾
10	Ringkasan Jantina Perempuan - P, W, G	P - Perempuan ▾
11	Jantina L - LELAKI, MEN, BOYS	LELAKI ▾
12	Jantina P - PEREMPUAN, WANITA, WOMEN, GIRLS	PEREMPUAN ▾
<input type="button" value="SetParameter"/>		

1 : masukkan 1 atau 2 atau 3 atau seterusnya. Ini adalah untuk sistem memaparkan SESI atau HARI beberapa dalam susunan acara dan juga dalam bahagian memasukkan keputusan acara.

Jika hendak memaparkan semua susunan acara dari mula hingga tamat, masukkan nilai -1.

Hendaklah alert apabila SESI atau HARI telah berubah, jangan lupa untuk mengubah item ini sepanjang kejohanan berlangsung.

2 : Bahasa yang hendak digunakan di paparan web.

3 : Pilihan untuk memaparkan kelas peserta, jika kejohanan hanya melibatkan Lelaki dan Perempuan sahaja tanpa kategori Umur, tidak perlu memaparkan kelas peserta. Jika kejohanan ada melibatkan kategori umur seperti Lelaki B18, Lelaki B15 dan Lelaki B12, perlu memaparkan kelas peserta.

Masukkan; 1 - untuk papar; 0 - tidak papar.

4 : Pilihan untuk format johan keseluruhan kejohanan samada berdasarkan pungutan pingat atau mata. Paparan akan ditunjukkan di laman web berdasarkan pilihan yang dimasukkan.

Masukkan; 0 - pingat; 1 - mata; 2 - papar kedua-dua pingat dan mata

5 : Hadiah pemenang sampai tempat ke berapa? Kedudukan pemenang ini akan digunakan dibahagian cetakan Borang Penyampaian Hadiah dan cetakan Sijil Pencapaian.


- 6 : Untuk acara jarak jauh dan acara bercampur, hadiah pemenang sampai tempat ke berapa? Kedudukan pemenang ini akan digunakan dibahagian cetakan Borang Penyampaian Hadiah dan cetakan Sijil Pencapaian.
- 7 : Pilihan untuk memaparkan keputusan detail acara padang atau tidak. Jika keputusan acara padang di keyin secara detail iaitu setiap percubaan dicatatkan, perlu memaparkan keputusan detail, jika hanya keputusan akhir sahaja yang dimasukkan, tiada keperluan untuk memaparkannya. Masukkan; 0 - tidak papar; 1 - papar.
- 8 : Pilihan untuk paparan di laman web. No acara dalam jadual disusun mengikut sesi atau hari.
Masukkan : SESI atau HARI, jika item 2 guna BI, DAY atau SESSION
- 9 : Pilihan untuk paparan ringkas jantina Lelaki di laman web.
Masukkan : L : Lelaki,
jika item 2 guna BI, M : Men atau B : Boys
- 10 : Pilihan untuk paparan ringkas jantina Perempuan di laman web.
Masukkan : P : Perempuan, atau W : Wanita,
jika item 2 guna BI, G : Girls atau W : Wanita/Women
- 11 : Pilihan untuk paparan penuh jantina Lelaki di laman web.
Masukkan : L : Lelaki,
jika item 2 guna BI, Men atau Boys
- 12 : Pilihan untuk paparan penuh jantina Perempuan di laman web.
Masukkan : Perempuan, atau Wanita,
jika item 2 guna BI, Girls atau Women

c. Set Marque

<p><u>Set Marque</u> Setkan ayat yang akan menjadi marquee yang akan dipaparkan di laman web. Masukkan - jika tiada yang hendak dipaparkan.</p>
-
<input type="button" value="SetMarquee"/>

Ayat yang dimasukkan akan dipaparkan di bahagian atas laman web. Boleh digunakan untuk penyampaian maklumat kepada yang berkenaan.

ii. Upload Gambar dibawah ---Pengurusan Kejohanan---



Terdapat 4 fail yang boleh dimuatnaik iaitu fail gambar banner.jpg, logo1.jpg, logo2.jpg dan bukukeputusan.pdf. Untuk fail .jpg saiz fail hendaklah kurang dari 50k.


Upload Fail	
Pilih fail banner.jpg, logo1.jpg, logo2.jpg - saiz fail kurang dari 50k atau pilih fail bukukeputusan.pdf	
<input type="button" value="Browse..."/>	No file selected.
<input type="button" value="Upfile"/>	

Nama fail berkenaan hendaklah sama dengan nama yang dinyatakan. Jangan rename fail png, tif, bmp dll ke jpg. Gunakan aplikasi grafik dan save fail grafik tersebut ke fail jpg.

- banner.jpg akan dipaparkan di header laman web. Dimensi yang dicadangkan 990px lebar dan 120px tinggi
- logo1.jpg dan logo2.jpg akan ada di bahagian kiri dan kanan cetakan bahan-bahan. Dimensi yang dicadangkan 150px lebar dan tinggi.
- bukukeputusan.pdf akan ada di bahagian menu.

Jika tiada fail dimuatnaik, hanya paparan seperti Perkara **i.a Set Tajuk** sahaja yang akan dipaparkan.

iii. Set No Acara dibawah ---Pengurusan Kejohanan---



Bahagian ini adalah untuk memasukkan susunan acara kejohanan sama seperti yang terdapat dalam Jadual Kejohanan yang disediakan oleh Jawatankuasa Kejohanan.


- Masukkan No Acara, Jantina, Kelas, Acara dan Peringkat dan klik Tambah. Untuk peringkat Saringan atau Separuh Akhir, hanya boleh dimasukkan 1

sahaja untuk setiap acara. Tidak boleh dimasukkan Saringan 1, Saringan 2, Saringan 3 dan seterusnya. Sistem akan generate berapa Saringan atau Separuh Akhir yang diperlukan.

- b. Selepas itu hanya Tarikh, Masa dan No Acara sahaja yang boleh diubah dan klik Set.
- c. Untuk buang item yang berkenaan, tanda Checkbox dan klik Delete.
- d. Boleh gunakan wildcards untuk set tarikh dengan lebih cepat

Contoh : Jika semua acara yang bermula dengan 1 berlangsung pada tarikh 25/02/2019, pada ruang Set Tarikh Wildcard, masukkan 1% dan 25/02/2019 diruang yang disediakan. Klik SetTarikh.

iv. Set Mata Pemenang dibawah ---Pengurusan Kejohanan---



JIKA KEJOHANAN ADALAH BERDASARKAN PUNGUTAN MATA.

- a. Setkan peruntukan mata untuk setiap kedudukan bagi acara Individu, Pasukan/Relay dan juga acara bercampur iaitu Heptatlon dan Oktatlon.
- b. Hanya kedudukan 1 hingga 8 sahaja yang boleh diperuntukan mata.
- c. Letakkan nilai 0 bagi kedudukan yang tidak diperuntukkan mata.

JIKA KEJOHANAN ADALAH BERDASARKAN PUNGUTAN PINGAT, JANGAN LETAKKAN NILAI 0 PADA KEDUDUKAN 1, 2 DAN 3 KERANA TIADA PINGAT YANG AKAN DITAMBAH JIKA MATA = 0.

v. Set Peringkat Rekod ---Pengurusan Rekod---



Untuk membuat tetapan peringkat rekod bagi Rekod Kejohanan 1 dan 2. Terdapat 2 baris dalam bahagian ini.

Contoh :

- a. Kejohanan Peringkat Sekolah
Masukkan 1 : REKOD SEK
2 : REKOD ZON atau REKOD MSSD
- b. Kejohanan Peringkat Zon
Masukkan 1 : REKOD ZON
2 : REKOD MSSD
- c. Kejohanan Peringkat MSSD
Masukkan 1 : REKOD MSSD
2 : REKOD MSS Negeri

vi. Rekod 1 dan Rekod 2 ---Pengurusan Rekod---



Masukkan rekod kejohanan yang ditafsirkan 1 di Perkara v.

- a. Masukkan item-item yang berkenaan dan klik Tambah.
- b. Jika ada perubahan, ubah dan klik Set.
- c. Jika terdapat lebih dari seorang pemegang rekod untuk satu acara, boleh tambah pada baris lain dengan Catatan rekod yang sama.
- d. Unit yg hendak dimasukkan adalah mengikut meter atau saat jika unit rekod itu adalah minit, seperti acara 800m dan keatas, hendaklah di tukarkan dahulu kepada unit saat. Paparan sebenar rekod akan dipaparkan di ruang Catatan.

B. Selepas Tarikh Tutup Pendaftaran dan Sebelum Kejohanan Bermula

1 Buat Susunan Peserta setiap acara

i. Susun semua acara : dibawah **---Pengurusan Peserta & Acara---**

Arahan ini akan menyusun semua acara yang dipertandingkan mengikut ketetapan yang dipaparkan. Semua acara yang dipertandingkan dalam kejohanan ini akan dibuat susunan peserta. Untuk acara balapan, lorong yang ditetapkan adalah 8.

ii. Membuat susunan peserta : dibawah **---Pengurusan Peserta & Acara---**

Jika hendak membuat susunan khas bagi satu acara yang dipilih berdasarkan peringkat dan bilangan lorong yang yang mungkin berbeza dari bahagian i di atas.

iii. Edit susunan peserta : dibawah **---Pengurusan Peserta & Acara---**

Jika hendak edit/delete susunan acara tertentu yang telah dibuat di Perkara i @ ii di atas. Pilih acara yang berkenaan dan klik Lihat. Terdapat beberapa opsyen untuk mengedit susunan peserta.

a. **Insert Peserta** : masukkan peserta baru acara tersebut, jika ikut lorong, pilih lorong yg kosong

b. **Buang Peserta** : Buang peserta yg ada dalam susunan

c. **Tukar Peserta** : Tukar peserta yang ada dalam susunan dengan peserta yang ada dalam daftar kejohanan

d. **Swap Peserta** : Tukar giliran/lorong dua peserta antara satu dengan lain

e. **Ke Lorong** : Pindahkan peserta ke lorong yang kosong

Jika hendak delete susunan acara berkenaan, tanda Checkbox dan klik Delete.

2 Cetak Borang-borang Pertandingan dan Susunan Peserta



i Cetak Borang

Untuk mencetak Borang Bilik Panggilan dan Keputusan Rasmi

ii Cetak Susunan Peserta

Untuk mencetak Susunan Peserta - buat buku pertandingan

iii. Dan lain-lain menu cetakan untuk kegunaan kejohanan.

C. Semasa Kejohanan Berlangsung hingga Tamat

1. Masuk Keputusan yang telah diterima

i. Login untuk masukkan keputusan

www.jsports.com.my/????/????/admin/lg.php

Untuk acara balapan

Username : balapan

Password : (default password ialah **balapan** - boleh ubah di admin)

Untuk acara padang

Username : padang

Password : (default password ialah **padang** - boleh ubah di admin)

a. Masukkan mengikut keputusan dalam borang keputusan rasmi

Untuk acara jarak mengufuk :

- masukkan jarak dalam **meter (2 titik perpuluhan)**
- jika batal masukkan **X**
- jika skip masukkan -
- tidak perlu masukkan apa2 utk yang lain2.

Untuk acara jarak mencancang (lompat tinggi atau lompat galah)

Setkan ketinggian terlebih dahulu

- masukkan O jika lepas, huruf O dan bukan 0 sifar
- masukkan X jika gagal
- masukkan - jika skip
- jika ada 2 percubaan untuk ketinggian, masukkan XO atau XX tanpa space
- jika ada 3 percubaan untuk ketinggian, masukkan XXO atau XXX tanpa space

Pilihan untuk save

- Mengikut baris - klik button yang terdapat di hujung setiap baris peserta, hanya data yang terdapat di baris ini sahaja di simpan.
- Mengikut lajur - klik button yang terdapat di bawah setiap lajur percubaan, hanya data di lajur ini sahaja di simpan.
- Semua - klik butang All yang terdapat di bahagian bawah kanan, semua data yang ada akan disimpan, tapi nanti sistem slow.

b. Boleh memilih untuk masuk secara ringkas sahaja iaitu masuk hanya keputusan akhir sahaja.

c. Jangan lupa tanda Checkbox dan klik Proses

2. Cetak Borang untuk acara yang telah selesai peringkat Separuh Akhir

Ikut seperti dalam B.2

3. Cetak dokumen-dokumen yang berkaitan di bawah **---Cetakan ---**
 - i. Login menggunakan username **urusetia**
 - ii. Pilih cetakan yang berkaitan.

4. Cetak Borang Penyampaian Hadiah dan Sijil Pencapaian
 - i. Login menggunakan User **hadiah** password (default password ialah **hadiah**)
 - ii. Pilih untuk cetak acara yang berkenaan
 - iii. Untuk cetak sijil pencapaian, perlulah membuat setup dahulu dibahagian **Format Sijil** oleh user urusetia

5. Untuk daftar peserta bagi acara relay, jika ada buat pengesahan peserta relay
 - i. Login menggunakan User **relay** password (default password ialah **relay**)
 - ii. Pilih pasukan dan acara yg berkenaan untuk disahkan pesertanya.

6. **BATAL KEPUTUSAN**

Jika terdapat kesilapan pada kemasukan keputusan atau perubahan keputusan selepas keputusan acara dimasukkan, tiada proses EDIT keputusan dalam sistem. Keputusan tersebut hendaklah dibatalkan dan dimasukkan semula keputusan yang baru.

- i. Login menggunakan username urusetia
Batal Keputusan : dibawah **---Pengurusan Peserta & Acara---**
Pilih acara yang hendak dibatalkan dan klik Proses.
Masukkan semula keputusan acara yang berkenaan.

D. Maklumat Lain

1. Untuk tukar password

Login Admin

www.jsports.com.my/????/????/admin/lg.php

Username : admin

Password : *****

Set User

untuk tukar password user2 yang berkenaan

mohon hati2 password admin, urusetia, balapan, padang hanya untuk pengetahuan yang berkenaan sahaja.

dan kalau dah tukar password admin, jangan lupa pulak.

TERIMA KASIH